12

# KETERLIBATAN GOLONGAN PEMERINTAH DI DALAM KEGIATAN MELANUN DI PERAIRAN MELAYU PADA KURUN KE 18 DAN KE 19

OLEH

AZMI BIN YUSOF

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
SIDANG 1988/89

ARKIB
rb
fAC895
M22A99911

# KETERLIBATAN GOLONGAN PEMERINTAH DI DALAM KEGIATAN MELANUN DI PERAIRAN MELAYU PADA KURUN KE 18 DAN KE 19

OLEH

AZMI BIN YUSOF

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

# KETERLIBATAN GOLONGAN PEMERINTAH
# DI DALAM KEGIATAN MELANUN
# DI PERAIRAN MELAYU PADA
# KURUN KE 18 DAN KE 19

OLEH

AZMI BIN YUSOF

SATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT PENGKHUSUSAN SEJARAH
(HSM 412 DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA)
BAGI PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA DENGAN
PENDIDIKAN DALAM PUSAT PENGAJIAN ILMU
KEMANUSIAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
SIDANG 1988/89
PULAU PINANG

Istimewa Untuk:

Bapa

Emak

dan Adik-adikku

Serta Tunang Tersayang ... Ina.

Prakata

Bismillahirrahmanirrahim.

Terlebih dahulu saya bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya telah memberikan saya kekuatan untuk menjalankan dan seterusnya menyiapkan kajian ini.

Kajian ini adalah cuba memaparkan aktiviti-aktiviti pelanunan yang pada suatu masa dahulu iaitu pada abad ke 18 dan sebelumnya begitu berleluasa di perairan Melayu. Jadi bukanlah suatu yang menghairankan jika ada di antara golongan pemerintah turut terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pelanunan.

Di dalam kajian ini, daripada segi sumber yang saya gunakan, ia banyak tertumpu kepada sumber-sumber kedua. Ini kerana, saya menghadapi masalah kesuntukan masa, tenaga dan peluang. Pada cita-cita asalnya, saya ingin meneliti dan mengkaji sumber-sumber pertama atau sumber-sumber asal Melayu dan tulisan-tulisan ahli sejarah tempatan. Oleh itu, saya menganggap kajian ini sebagai satu kajian awal atau cubaan awal ke arah kajian dan penelitian sejarah pelanunan yang melibatkan golongan pemerintah di dalam Masyarakat Melayu tradisi pada abad ke 18.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang membantu dan memberi dorongan kepada saya. Istimewa kepada pensyarah saya iaitu Profesor Madya Dr. Cheah Boon Kheng yang banyak membantu, memberi dorongan dan tunjuk ajar serta teguran untuk membolehkan saya menyiapkan kajian ini. Juga tidak lupa saya ucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan sekursus yang turut membantu dan memberi teguran untuk membolehkan saya menyiaplengkapkan kajian ini. Sebarang kritikan dan ulasan yang membina daripada para pembaca kajian ini, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

Azmi bin Yusof
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Universiti Sains Malaysia.
Pulau Pinang.

30 September 1988.

Sinopsis

Aktiviti pelanunan telah wujud sejak 500 tahun dahulu lagi di alam Melayu. Oleh kerana itu, masyarakat Melayu tradisi memandang aktiviti pelanunan bukanlah sesuatu yang mengaibkan. Aktiviti pelanunan merupakan salah satu cara untuk mendapatkan sumber pendapatan.

Golongan pemerintah yang terbuang atau terpaksa keluar dari negeri asal akan bertindak menjadi lanun untuk menyara kehidupan. Ini berlaku kerana sumber pendapatan asalnya telah terhalang atau hilang kerana beberapa sebab. Umpamanya, campurtangan kuasa asing (Belanda dan Inggeris) dan bilangan anak raja yang terlalu ramai di dalam sesebuah negeri juga menyebabkan sumber pendapatan di kalangan mereka berkurangan. Apabila pelanunan tidak mengaibkan dan merupakan suatu tradisi di dalam masyarakat Melayu lama, mereka lalu menceburkan diri di dalam aktiviti pelanunan. Oleh itu, ada para pemerintah bersahabat atau bersubahat dengan lanun untuk kepentingan tertentu.

Oleh kerana pelanunan sudah menjadi tradisi di dalam masyarakat Melayu tradisi, maka tidak ada usaha yang serius dilakukan untuk menghapuskan aktiviti pelanunan. Golongan pemerintah sebaliknya telah memberikan perlindungan dan bekerjasama dengan lanun tersebut.